



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN



PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

PERBARISAN

1.0 PENGANJURAN & PENGELOAAN

1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PENDAFTARAN DAN PERATURAN

2.1 Peserta perbarisan yang didaftarkan hendaklah mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am **SUKAN DVS MALAYSIA**.

2.2 Hanya pegawai dan atlet yang berdaftar dalam kejohanan sukan sahaja yang boleh menyertai acara perbarisan lintas hormat ini. Pendaftaran nama-nama pemain,pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan sistem/borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

2.3 Peserta perbarisan terdiri daripada :

2.3.1 Ketua Perbarisan

2.3.2 Seorang Pembawa Bendera Jabatan (Lelaki)

2.3.3 Seorang pembawa pelekat (Wanita)

2.3.4 Maksima 48 orang atlet (termasuk i, ii & iii) ataupun

2.4 Minima peserta bagi acara perbarisan ini ialah Lapan Belas (18) orang (termasuk i, ii & iii)

3.0 FORMAT PERTANDINGAN DAN KIRAAN MATA

3.1 Menggunakan kaedah Perbarisan Lintas Hormat dalam keadaan berkawad.

3.2 Sekiranya setiap pasukan mempunyai bilangan peseta yang tidak mencukupi jumlah minima, maka markah akan ditolak mengikut skema permarkahan

3.3 Pengiraan Mata diambilkira dari permulaan perbarisan masuk lintas hormat sehingga lafaz perasmian dilakukan oleh perasmi. Penilaian dibuat oleh juri professional yang telah dilantik.

3.4 Setiap kontijen dikehendaki menyediakan sehelai bendera pasukan masing-masing berukuran 3' x 6' yang dilekatkan pada sebatang kayu/aluminium sepanjang 6 kaki.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN



PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

PERBARISAN

- 3.5** Maskot sekiranya ada tidak termasuk di dalam bilangan peserta dalam syarat di atas dan permarkahan maskot tidak dikira secara berasingan sebaliknya ia termasuk di dalam kriteria kreativiti.
- 3.6** Kontijen yang mendapat markah yang tertinggi dikira sebagai pemenang. Sekiranya terdapat jumlah markah yang sama, penentuan pemenang adalah berdasarkan markah tertinggi yang diperolehi mengikut keutamaan susunan kriteria pemarkahan.
- 3.7** Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

4.0 PENGADIL

- 4.1** Jawatankuasa Pengelola akan melantik para Pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada **PERATURAN AM**
- 4.2** Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan

5.0 DISIPLIN PASUKAN

- 5.1** Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.

- 5.2** Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam **PERATURAN AM**.

6.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 6.1** Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

7.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

- 7.1** Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23.

8.0 JADUAL PERLAWANAN

- 8.1** Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN



PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

PERBARISAN

dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

9.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

9.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12

10.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGKAN

Nama	:	Abdul Hanit Bin Mat Sham
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Perbarisan
No. H/P	:	013-5845429
emel	:	

Nama	:	Dr. Zainita
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Perbarisan
No. H/P	:	
emel	:	